

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN
AHMAD
[LANGKAWI]**

SOALAN :

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik jumlah kenderaan yang telah mendaftar perkhidmatan Uber yang dikatakan aktif menjalankan aktiviti sehingga mengganggu aktiviti pemandu teksi dan apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka untuk mengelakkan sebarang penipuan dan jenayah berlaku.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Baru-baru ini, Kerajaan telah mengumumkan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang menggariskan beberapa inisiatif yang diformulasi bagi mewujudkan persekitaran industri teksi yang sihat dan adil kepada pemandu, pengguna dan pengendali.
2. Antara perkara yang turut dirangkumi dalam inisiatif TITP adalah isu berhubung perkhidmatan *e-hailing*, di mana perkhidmatan ini akan beroperasi tertakluk kepada peruntukan dan seliaan undang-undang sepertimana operasi sedia ada dalam industri teksi. Langkah bagi mengawal selia ini adalah wajar, yang antaranya dalam memastikan keselamatan penumpang dan pemandu diberi tumpuan.
3. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) kini sedang merangka polisi baru dan dalam proses membuat pindaan Akta bagi mengawal selia dan memantau aplikasi mudah alih/pintar seperti Uber dan Grabcar sebagai perkhidmatan perantara di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (APAD) dengan memperkenalkan beberapa syarat dan standard bagi memastikan semua penyedia aplikasi menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pengguna.
4. Syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan *e-hailing* akan diwajibkan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di Malaysia manakala semua pemandu *e-hailing* dikehendaki untuk memiliki Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh SPAD. Bagi

pengeluaran kad pemandu ini, ia memerlukan pemandu melalui proses saringan dan latihan seperti mana yang dilalui oleh pemandu-pemandu teksi pada masa ini. Perkara ini perlu untuk memastikan semua pemandu *e-hailing* mempunyai rekod pemanduan dan keperibadian yang baik bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya sebarang penipuan dan jenayah.

5. Pindaan berkaitan terhadap Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dijangka akan dibawa untuk diluluskan di Parlimen pada sesi mesyuarat pertama Parlimen tahun hadapan.

6. Pada masa ini, tiada peruntukan undang-undang yang mengkehendaki penyedia perkhidmatan *e-hailing* seperti Uber dan Grabcar untuk berdaftar dengan SPAD. Justeru, tiada maklumat lengkap yang tepat berhubung bilangan sebenar pemandu dan kenderaan yang berdaftar dengan Uber dan Grabcar.

7. Namun, berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada penyedia perkhidmatan tersebut, jumlah keseluruhan pemandu yang telah mendaftar dengan Uber dan Grabcar di seluruh negara adalah dianggarkan seramai 50,000 hingga 60,000 orang. Daripada jumlah berkenaan, dianggarkan hanya 20% peratus pemandu yang aktif manakala selebihnya adalah pemandu separuh masa yang telah mempunyai pekerjaan tetap. Kebanyakan pemandu yang menggunakan aplikasi Uber dan Grabcar tertumpu di kawasan bandar seperti Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.